



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TANAH RUNTUH TAMAN MELAWATI AMPANG

AMPANG, SELANGOR – YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya meninjau lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan E6 / Jalan Serdang, Taman Melawati, Ampang, Selangor. Kejadian tanah runtuh di Taman Melawati ini melibatkan kawasan penyenggaraan jalan dan perparitan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), manakala kawasan cerun runtuh adalah merupakan milik pemaju. Sebanyak empat (4) buah rumah telah terjejas dan terhalang oleh sisa runtuh akibat kejadian ini.

2. Runtuhan berlaku sepanjang 30meter dari kaki cerun dengan keluasan permukaan runtuh seluas 500meter persegi. Kegagalan pada struktur dinding sistem perparitan (*rubble pitching drain*) telah menyebabkan aliran air melimpah ke permukaan cerun. Aliran air yang banyak akibat hujan lebat telah melemahkan struktur tanah dan menumbangkan pokok - pokok pada cerun. Pihak MPAJ telah menjalankan kerja-kerja pembersihan ke atas parit tersebut dan akan melaksanakan lencongan air ke parit bersebelahan jalan.

3. Hasil siasatan oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (CKC JKR) di tapak mendapati terdapat tanda-tanda awal seperti pokok yang condong dan sedikit keretakan di atas permukaan jalan. Terdapat sisa runtuh yang mengandungi campuran tanah cerun berair, sisa pokok tumbang dan sebuah pondok pengawal di tepi Jalan E6 yang terbalik. Kegagalan cerun adalah merupakan hakisan tanah atas permukaan sahaja dan batuan sedimen dasar di bukit masih kukuh.

4. CKC JKR selaku pengerusi Jawatankuasa Kerja Tanah Runtuhan di bawah Pelan Induk Cerun Negara akan kemukakan laporan khidmat nasihat pakar teknikal serta cadangan pembaikan kepada pihak MPAJ. Buat masa ini tindakan mitigasi jangka pendek yang telah dikenal pasti ialah pembersihan sisa runtuh, termasuk longkang di atas dan di bawah cerun, kerja-kerja mencantas pokok di kawasan cerun, pengalihan sementara laluan air dan menutup runtuh cerun dengan kanvas.

5. Memandangkan kawasan kejadian tanah runtuh melibatkan milik pemaju, dicadangkan pihak MPAJ mengadakan libat urus bersama pemaju untuk kaedah rawatan kekal bagi memastikan kestabilan cerun dan keselamatan penggunaan jalan pada masa hadapan.

6. Di bawah Pelan Induk Cerun Negara, wujudnya Jawatankuasa Kerja Tanah Runtuhan. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada ahli ICSM (*Inter-Government Committee of Slope Management*) iaitu Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), BOMBA dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti MPAJ.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa komited dalam memastikan jaringan aspek keselamatan cerun dijaga melalui inovasi teknologi penyenggaraan yang berterusan. Ini selaras dengan aspirasi Program MYJalan anjuran KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat dengan penglibatan dan tanggungjawab bersama oleh semua pihak.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
16 OKTOBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 KKR_MALAYSIA 🐦 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur